

KETUA SETIAUSAHA NEGARA

Ucapan: 04/05/2018

Majlis Pecah Tanah PPA1M, Presint 18, Putrajaya

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Selamat Pagi, Salam Sejahtera dan Salam Negaraku Malaysia.

Terima kasih kepada Saudara/Saudari pengacara majlis.

Yang Berbahagia Tan Sri Zainal Rahim bin Seman

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam;

Yang Berbahagia IGP Tan Sri Mohamad Fuzi bin Harun

Ketua Polis Negara;

Yang Berbahagia Dato' Sri Alwi bin Hj Ibrahim

Ketua Setiausaha

Kementerian Dalam Negeri;

Yang Berbahagia Datuk Hj. Mohammad Bin Mentek

Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan;

Yang Berbahagia Datuk Seri Mohd Zuki bin Ali,

Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, Jabatan Perdana Menteri (JPM);

Yang Berbahagia Datuk Seri Hj Hasim Hj Ismail

Presiden

Perbadanan Putrajaya;

Yang Berbahagia Datuk Azih bin Muda,

Presiden CEUPACS;

Yang Berbahagia Tan Sri Hadenan Bin A. Jalil

Pengerusi Protasco Development Sdn. Bhd.;

Yang Berbahagia Datuk Mohd Nazar Bin Samad

Pengerusi Eksekutif KOP Mantap Berhad;

Yang Berbahagia Dato' Hj. Radin Mokhtar Bin Hj. Md. Yusof

Pengarah Urusan GN Homeland Sdn, Bhd.;

YBhg Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan, anggota PDRM yang dikasihi sekalian.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah SWT kerana dengan izin Nya, kita dapat bersama-sama pada majlis petang ini. Saya juga ingin mengambil kesempatan di sini mengucapkan terima kasih kepada **pengurusan Koperasi Polis iaitu KOP Mantap, dan syarikat pemaju perumahan Protasco Development Sdn. Bhd.** yang bertanggungjawab memajukan projek PPA1M Kenanga serta syarikat **GN Homeland Sdn. Bhd.** bagi projek PPA1M Cempaka, kerana turut hadir bersama-sama kita.
2. **Majlis Pecah Tanah pada petang ini, yang turut menyaksikan Perjanjian Pembangunan untuk kedua-dua projek PPA1M iaitu Kenanga dan Cempaka ditandatangani, amat bermakna** untuk kita, kerana ia berhubung kait dengan **janji Kerajaan untuk memastikan kesejahteraan dan kebajikan kita sebagai penjawat awam, terjamin dan dikotakan.**

KEMAJUAN NEGARA BERPAKSIKAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

3. Sesungguhnya, **Kerajaan dibawah kepimpinan YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Hj Abdul Razak**, sejak tahun 2009 sehingga kini, **tidak lekang dengan usaha untuk mempertingkatkan pertumbuhan ekonomi negara demi kesejahteraan rakyat.** Saban tahun, Kerajaan begitu fokus untuk memastikan negara mencapai **kadar pertumbuhan ekonomi yang tinggi sepertimana pada tahun lepas, iaitu kadar 5.9%.** Kadar ini **melebihi unjuran Bank Dunia** yang terpaksa mengkaji semula, bukan sekali (4.9%), bukan dua kali (5.2%), tetapi 3 kali (5.8%) unjuran kadar pertumbuhan ekonomi negara. Malah, negara kita diiktiraf oleh badan-badan antarabangsa sebagai antara negara yang paling berdaya saing di dunia. **Malaysia juga diiktiraf sebagai antara negara paling sejahtera (Happiness Index).**
4. **Ekonomi sesebuah negara yang menjadi baik sekiranya aktiviti-aktiviti perdagangan, perniagaan dan pelaburan berlaku di dalam negara.** Oleh yang demikian, Malaysia sepertimana negara-negara lain, **berlumba untuk menarik pelabur asing datang melabur di negara kita.** Dengan itu, barulah peluang pekerjaan dapat diwujudkan dan Kerajaan pula, dapat memperolehi dan menambah hasil cukai. Apabila **hasil pendapatan Kerajaan bertambah, lebih banyak bajet dapat disediakan untuk keperluan Rakyat.** Ini bermaksud, **hasil pertumbuhan ekonomi kita gunakan untuk**

menyediakan keperluan Rakyat. Inilah yang disebut People Economy atau Ekonomi Keperluan Rakyat.

5. Ke manakah hasil ekonomi kita pergi? Projek Infra-Rakyat seperti Lebuhraya dan MRT, pembinaan sekolah dan klinik 1Malaysia, subsidi bayaran pesakit luar hospital kerajaan, BR1M, subsidi minyak masak dan banyak lagi insentif atau kemudahan untuk keperluan Rakyat. Semua ini diperuntukkan Kerajaan daripada hasil pertumbuhan ekonomi. Malah rumah mampu milik seperti rumah PPA1M yang bakal kita lancarkan untuk anggota PDRM khususnya hari ini, juga diperuntukkan daripada hasil Kerajaan.

Saudara-saudari sekalian,

6. Di sebalik semua ini, ada juga pihak yang suka mengambil kesempatan menidakkan usaha Kerajaan. Mereka mengatakan macam-macam antaranya seperti kedaulatan Malaysia akan tergadai kepada para pelabur asing. Saudara-saudara sekalian pasti lebih tahu dan arif bahawa ini perkara ini adalah tidak benar.
7. Apakah faktor paling utama dalam menentukan negara kita terus dapat menjaga pertumbuhan ekonomi yang tinggi, seterusnya menjamin Rakyat dapat terus menikmati segala kemudahan dan insentif yang disediakan untuk masa akan datang? Faktor ini, tidak lain dan tidak bukan, adalah Kestabilan Politik.
8. Kestabilan politik pula bergantung kepada sejauh mana jentera pentadbiran kerajaan iaitu sektor perkhidmatan awam yang merangkumi saudara-saudari sekalian pada hari ini, dapat menyokong dan melaksanakan dasar-dasar yang telah ditetapkan oleh Kerajaan dibawah kepimpinan YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Hj Abdul Razak. Rakyat termasuk para pelabur dan peniaga, tidak suka melihat dasar-dasar kerajaan berubah-ubah. Kalau berubah positif tak apa, yang kita takut dan khuatir, perubahan yang membawa kepada kebinasaan terhadap apa yang kita kecapai pada hari ini.

Saudara-saudari sekalian,

9. Ternyata semenjak YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Hj Abdul Razak menjadi Perdana Menteri, pelbagai penambahbaikan dan insentif diberikan untuk sektor awam. Yang terkini, sebanyak 9 penambahbaikan diperkenalkan dalam MAPPA ke-16. Kalau bercakap mengenai Kenaikan Gaji Tahunan (KGT), semenjak YAB Dato' Sri Mohd Najib menjadi Perdana Menteri, beliau sudah meluluskan sebanyak 3 kali Kenaikan Gaji

Tahunan Khas, iaitu penambahan kepada KGT sedia ada. Pelbagai lagi penambahbaikan dan insentif diberikan kepada penjawat awam seperti Kenaikan pangkat secara time-based, pemberian Kenaikan Gaji Tahunan (KGT), **gaji minimum RM1,200 berbanding gaji minimum negara pada kadar RM1,000, kadar pencen minimum sebanyak RM1,000, kemudahan kesihatan merangkumi ibubapa pesara**, kemudahan cuti bersalin dan pelepasan waktu bekerja sejam bagi penjawat awam wanita dan suami di stesen yang sama dan kemudahan cuti belajar bagi Kumpulan Pelaksana.

10. Oleh demikian, janganlah kita terpedaya dengan dakyah pihak-pihak tertentu yang cuba mengelirukan dan memecah-belahkan perpaduan di kalangan penjawat awam.

Saudara-saudari sekalian,

PERUMAHAN MAMPU MILIK PENJAWAT AWAM

11. Kerajaan sedar bahawa **salah satu keperluan asas** rakyat yang merangkumi penjawat awam, untuk mencapai kesejahteraan rakyat, adalah **memiliki sebuah rumah kediaman**. Untuk memastikan setiap rakyat dan penjawat awam kita dapat memiliki rumah, maka Kerajaan telah memperkenalkan pelbagai skim Perumahan Mampu Milik. Bagi penjawat awam, Skim **Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M)** diperkenalkan sejak tahun 2013. Skim PPA1M menawarkan rumah, samada berbentuk rumah teres atau pangsapuri, pada harga yang lebih murah daripada harga pasaran. Ia dijual pada harga antara RM90,000 sehingga RM300,000. Pembeli rumah hanya perlu membayar 10% daripada harga rumah, manakala selebihnya dibayar selepas rumah siap. Skim ini berpaksikan kepada kerjasama di antara sektor swasta dan Kerajaan. Kejayaan Skim ini adalah **sokongan Kerajaan yang berbentuk subsidi kos pembinaan**, iaitu **dalam julat RM35,000 sehingga RM100,000 seunit**.
12. **Sasaran Kerajaan adalah untuk membina 200,000 unit rumah** di bawah Skim PPA1M. Sehingga hari ini, 141,774 unit telah diluluskan untuk pembinaan. Sebanyak **7,180 unit telah siap** manakala **81,503 unit** dalam pelbagai peringkat pembinaan.
13. Bagi kawasan **Putrajaya**, sebanyak **2,943 unit PPA1M telah pun didiami** iaitu di Presint 6, 11 dan 17. **Kunci akan mula diserahkan untuk 2,671 unit** dalam **tempoh Mei hingga Ogos tahun ini** iaitu bagi projek Melinjau di Presint 11, projek Jintan di Presint 16 dan projek Pudina di Presint 17. Sebanyak **5,216 unit sedang dalam pembinaan** di Presint 5,

15, 17 dan 18 manakala **9,872 unit termasuk 2,492 unit pada hari ini**, dalam peringkat **perancangan untuk dimulakan pembinaan**.

14. Kerajaan menghargai sumbangan dan pengorbanan para penjawat awam dalam menjalankan tugas, terutamanya anggota keselamatan khususnya ATM dan PDRM. Justeru itu, dalam Bajet 2018, YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Hj Abdul Razak, telah bersetuju menawarkan **10,000 unit PPA1M khas kepada anggota PDRM**. Oleh yang demikian, untuk **projek Kenanga dan Cempaka** di sini, kita akan menawarkan **50% daripada unit yang dijual kepada anggota PDRM**. Malah, saya telah berbincang dengan IGP dan KSU Kementerian Dalam Negeri, **sekiranya terdapat tanah-tanah sesuai di bawah PDRM atau KDN, kita boleh membina lebih banyak rumah PPA1M untuk anggota PDRM**.

INSENTIF BAGI PPA1M PUTRAJAYA

15. Pada hari ini, saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengumumkan **kadar caj penyenggaraan bagi semua unit PPA1M di Putrajaya diturunkan daripada RM 20 sen kepada RM 15.8 sen sekaki persegi**.
16. Pihak Kerajaan juga telah **mengecualikan pemilik petak daripada menjelaskan caj penyenggaraan dan wang penjelas (sinking fund) untuk tempoh selama enam (6) bulan dari 1 Mac 2018 sehingga 31 Ogos 2018 bagi tiga (3) projek yang telah didiami iaitu LARAI Presint 6, PALMA Presint 11 dan SELASIH Presint 17** dimana kos penyenggaraan ini yang berjumlah **hampir RM 3.7 juta** ditanggung oleh pihak Kerajaan.
17. Sesungguhnya, para anggota ATM dan PDRM merupakan tunjang kepada jentera keselamatan negara. Justeru itu, **keperluan rumah mampu milik bagi anggota Tentera dan Polis akan sentiasa menjadi sebahagian Agenda Pembangunan Negara** demi **menghargai jasa tentera dan polis** yang telah mencurahkan bakti, tenaga dan jiwa bagi memastikan keamanan dan ketenteraman negara kita kekal dan rakyat hidup sejahtera sehingga hari ini.

Saudara-saudari sekalian,

Pisang emas dibawa belayar,

Masak sebiji di atas peti,

Hutang emas boleh dibayar,

Hutang budi dibawa mati.

18. Pantun ini saya bacakan bagi mengingati diri saya, dan saudara-saudari sekalian sebagai penjawat awam. **Pelbagai usaha telah dilakukan oleh Kerajaan dibawah kepimpinan semasa.** Saya yakin lebih banyak penambahbaikan akan dilakukan dalam tahun-tahun akan datang. Oleh yang demikian, marilah kita bersama-sama **mempertingkatkan produktiviti dan usaha kita menyokong Kerajaan dalam memastikan kesejahteraan rakyat terus terjamin.**
19. Sebagai penutup bicara, saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan penghargaan dan **ucapan ribuan terima kasih yang tidak terhingga di atas sokongan, kerjasama dan komitmen dari semua pihak khususnya kepada pihak Perbadanan Putrajaya,** wakil-wakil komuniti dan pihak media yang sentiasa menyokong Kerajaan dan dalam memastikan majlis hari ini berjalan dengan lancar dan jayanya.
20. Akhir kata, dengan lafaz Bismillah Hirrahman Nirrahim, saya dengan ini menyempurnakan **MAJLIS PECAH TANAH DAN MENANDATANGANI PERJANJIAN PEMBANGUNAN PPA1M KENANGA DAN CEMPAKA, PRESINT 19.**

Wabillahitaufik walhidayah.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

©2017 Hakcipta Terpelihara Pejabat Ketua Setiausaha Negara

Source: <https://www.ksn.gov.my//newsroom/content/speech/19246/Majlis-Pecah-Tanah-PPA1M-Presint-18-Putrajaya>